

**AHLI LEMBAGA PENGARAH PNB**



Zarinah Anwar



Awang Adek Hussin



Mohd Yaakub Johari



Soedirman Aini

**AHLI LEMBAGA PENGARAH ASNB**



Noor Azlan Ghazali



Nik Norzrul Thani  
Nik Hassan Thani



Nik Ramlah Mahmood

# PNB, ASNB lantik ahli lembaga pengarah baharu

➔ Pengalaman luas dalam pelbagai bidang bantu agensi capai wawasan mantapkan kedudukan

Oleh Nurhayati Abllah  
nurhayatiabllah@bh.com.my

**P**ermodalan Nasional Bhd (PNB) melantik Tan Sri Zarinah Anwar, Datuk Dr Awang Adek Hussin, Datuk Dr Mohd Yaakub Johari dan Soedirman Aini sebagai Ahli Lembaga Pengarah yang baharu.

Pelantikan itu bagi menggantikan ahli lembaga pengarah terdahulu yang terdiri daripada Tan Sri Amar Bujang Mohammed Bujang Mohammed Nor, Tan Sri Asmat Kamaluddin dan Tan Sri Ainum Mohamed Saaid, yang bersara pada 31 Disember 2016.

Zarinah adalah Pengerusi Malaysia Debt Ventures Bhd, Awang Adek (bekas Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat), Dr Mohd Yaakub (Ketua Eksekutif Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah-SEDIA) dan Soedirman (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC).

Dalam kenyataan media di Kuala

Lumpur, semalam, PNB turut mengumumkan pelantikan Profesor Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, Datuk Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani dan Datuk Dr Nik Ramlah Mahmood sebagai Ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) yang baharu.

Pelantikan ketiga-tiga mereka adalah bagi menggantikan ahli lembaga pengarah sebelumnya iaitu Tan Sri Md Desa Pachi, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin dan Ainum, yang turut bersara pada 31 Disember 2016.

**Wahid rai pelantikan**

Pelantikan baharu berkenaan berkuat kuasa sebaik sahaja selesai pemprosesan segala dokumen berkanun yang berkenaan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata beliau mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB yang baharu berkenaan.

Katanya, pengalaman luas mereka dalam pelbagai bidang ter-

masuk ekonomi, kewangan dan pelaburan akan memberi sumbangan besar ke arah kejayaan berterusan PNB, yang mana asasnya telah diperkukuhkan Ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB terdahulu.

**Bantu rangsang PNB**

“Saya yakin kehadiran mereka akan merangsang PNB dalam mencapai wawasan kami untuk menjadi sebuah syarikat pelaburan distinktif bertaraf dunia.

“Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan PNB serta ASNB, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli lembaga pengarah yang terdahulu atas dedikasi serta sumbangan mereka terhadap pertumbuhan Kumpulan PNB yang membanggakan sehingga kini,” katanya.

Beliau berkata, tanpa pengorbanan dan kebijaksanaan ahli lembaga pengarah yang sebelum ini, PNB tidak akan berada pada kedudukan yang teguh seperti hari ini.